

Anda dinasihatkan untuk hadir di Kaunter Janji temu MRI atau Kaunter Pendaftaran MRI-CIGMIT **45 minit lebih awal dari masa janji temu** yang diberi bagi tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur

- Sekiranya anda datang lewat daripada masa janji temu anda, pemeriksaan anda berkemungkinan akan dijadualkan ke tarikh yang lain.
- Pastikan anda hadir awal untuk mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas , tempat letak kereta dan lain-lain.
- Sila bawa kad pengenalan/ pasport untuk tujuan pengesahan.
- Sila bawa slip janji temu dan sebarang imej pemeriksaan dari hospital lain pada hari janji temu anda (sekiranya ada). Contoh: Filem Sinar-X, CT Scan, Ultrasound dan sebagainya.

**Jika anda tidak dapat menghadiri janji temu ini, sila hubungi :**

**Tel: 03-7949 2547 (Kaunter Janji Temu MRI)**

- Sila maklumkan kami 2 minggu lebih awal atau secepat yang mungkin sekiranya anda tidak dapat menghadiri janji temu ini.
- Anda akan dihubungi sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh janji temu yang diberikan.
- Sekiranya terdapat pertukaran pada nombor telefon anda, sila hubungi nombor telefon di atas untuk makluman kami.
- Sila simpan nombor telefon di atas dalam telefon bimbit anda supaya anda dapat mengenalpasti sebarang panggilan daripada pihak hospital berhubung janji temu anda.

## **JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN**

### **PPUM**

## **JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN PENGIMEJAN MAGNETIK RESONANS ( MRI )**

BAHAGIAN PEMERIKSAAN: .....

NAMA: .....

NOMBOR PENDAFTARAN: .....

TARIKH JANJI TEMU: .....

MASA JANJI TEMU: ..... PAGI/PETANG

CAJ PROSEDUR: RM..... DEPOSIT: RM.....

CAJ ALATAN (Kaunter PharmUMMC) : RM .....

NAMA ALATAN PERUBATAN :.....

ALAHAN/ ASMA: TIDAK/ YA .....

TARIKH HAID TERAKHIR: .....

JANJI TEMU DIBERI OLEH: .....

TARIKH : .....

**Peringatan: Sila baca semua maklumat dalam risalah dengan teliti.**

## **Apakah itu pemeriksaan MRI?**

Pengimejan Magnetik Resonans, atau MRI, adalah satu cara bagi mendapatkan imej terperinci organ-organ dan tisu di seluruh badan tanpa menggunakan Sinar-X atau radiasi mengion. Sebaliknya, MRI menggunakan medan magnet yang kuat, gelombang radio dan komputer untuk menghasilkan imej bagi mengenalpasti kecederaan, penyakit, atau keadaan tidak normal yang wujud.

## **Apakah prosedur yang berlaku semasa pemeriksaan MRI?**

- Anda diminta menukar pakaian kepada pakaian hospital dan menanggalkan kesemua barang yang berunsur logam seperti gigi palsu, alat bantu dengar, barang kemas dan jam tangan.
- Anda akan diminta untuk berbaring di atas meja MRI dan tidak dibenarkan bergerak semasa pemeriksaan dijalankan.
- Anda akan mendengar bunyi bising yang dihasilkan oleh mesin MRI dan dibekalkan *headphone* atau *ear plugs* untuk mengurangkan ketidakselesaan semasa pemeriksaan.
- Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan, sila berbincang dengan Juru X-ray, Pegawai Perubatan Radiologi dan Pakar Radiologi sebelum pemeriksaan MRI dijalankan.

## **Adakah pemeriksaan MRI selamat dijalankan?**

Pemeriksaan MRI adalah pemeriksaan yang selamat bagi semua pesakit dewasa, kanak-kanak termasuk ibu mengandung. Selagi semua langkah keselamatan telah dipatuhi. Secara umumnya, pemeriksaan MRI tidak menyebabkan kesakitan atau menyebabkan kerosakan tisu dalam jangka masa pendek atau panjang.

## **Bagaimanakah sekiranya pesakit mempunyai alahan?**

- Sekiranya anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan atau makanan laut atau sejarah asma, sila maklumkan kepada staf Kaunter Janji temu MRI yang bertugas.
- Sekiranya anda mempunyai preskripsi steroid (Prednisolone), anda dikehendaki mengambil dos seperti yang telah ditetapkan.

## **Adakah semua pesakit perlu berpuasa bagi semua pemeriksaan MRI?**

Kebanyakan pemeriksaan MRI tidak memerlukan anda untuk berpuasa kecuali bagi pemeriksaan abdomen, hati, pundi hempedu, duktus hempedu, pankreas, duktus pankreas, dan jantung yang memerlukan pesakit berpuasa 6 jam sebelum masa pemeriksaan.

## **Apakah risiko bagi pemeriksaan MRI?**

- a) MRI perlu dielakkan bagi pesakit yang :
  - mengandung pada trimester pertama (12 minggu)-  
(Nota Penting: Sekiranya anda hamil atau mungkin hamil, anda perlu memaklumkan Pegawai Perubatan yang merawat anda, dan Pakar Radiologi atau Juru X-ray sebelum pemeriksaan MRI dijalankan).
  - mempunyai *pacemaker* atau *artificial heart valve* pada jantung
  - mempunyai *Implantable Cardioverter Defibrillator (ICD)*
  - mempunyai klip surgikal atau *aneurysm*
  - mempunyai implan besi dalam badan
  - pesakit mempunyai implan telinga atau mata
- b) Pesakit perlu berbincang dengan Juru X-ray, Pakar Radiologi atau Pegawai Perubatan di unit MRI sekiranya mempunyai persoalan atau kemosyikilan berkenaan sebarang objek implan atau keadaan kesihatan terutama bagi pesakit yang pernah menjalani pembedahan pada bahagian otak, telinga, mata, jantung atau saluran darah.
- c) Risiko terhadap kehilangan pendengaran. Oleh itu, pesakit tidak dibenarkan menanggalkan *headphone* dan *ear plugs* semasa pemeriksaan dijalankan.
- c) Pesakit yang mempunyai claustrofobia (ketakutan melampau pada kawasan atau ruang yang sempit). Pesakit perlu berbincang dengan Pegawai Perubatan yang merawat samada pemberian ubat sedasi/bius diperlukan semasa pemeriksaan.

## **Berapa lamakah pemeriksaan MRI dijalankan ?**

Kebiasaannya pemeriksaan MRI mengambil masa 45 minit sehingga 1 jam tetapi ia bergantung kepada kawasan pemeriksaan yang dijalankan. Untuk maklumat lanjut sila dapatkan informasi daripada staf yang bertugas di Kaunter Janji temu MRI.